

## PROSEDUR ASAS DALAM PENDAKWAAN KES HUDUD

**Paizah Haji Ismail\***

### ABSTRACT

*Hudud is a capital crime and punishment. For fair justice a straight procedure is crucial so that no one can be made liable to the punishment until everything has been taken into account by the court. This article aims to discuss about the matter and will start by discussing the authority of public prosecution, followed by the principle of reasonable doubt, the assumption of not guilty and the impact of repentance on the procedure.*

**Keywords:** *hudud, Islamic criminal law*

### PENDAHULUAN

Yang dimaksudkan dengan asas-asas prosedur dalam kes hudud ialah beberapa prinsip asas yang digunakan oleh mahkamah dalam membicarakan kes-kes hudud. Sebagaimana maklum, prosedur perbicaraan di mahkamah di bahagikan kepada dua, iaitu prosedur sivil (*mal*) yang digunakan dalam kes-kes sivil (*mal*) dan satu lagi ialah prosedur jenayah yang digunakan dalam kes-kes jenayah.

Walau bagaimanapun, oleh kerana dalam Syariah Islam jenayah itu sendiri terbahagi kepada tiga, iaitu hudud, *qiṣāṣ* dan *diyat* dan *ta’zir* maka prosedur yang digunakan dalam kes-kes jenayah dalam Syariat Islam, walaupun secara prinsipnya boleh disebut sebagai “prosedur jenayah” (الإجراءات الجنائية), namun dari segi praktiknya kadangkala ada perbezaan yang ketara dari segi ini di antara ketiga-tiga jenis jenayah itu tadi. Oleh kerana itu tulisan ini akan menghuraikan tentang

---

\* Associate Professor at Department of Fiqh and Usul, Academy of Islamic Studies,  
University of Malaya, paizah\_ismail@yahoo.com.

prosedur-prosedur berkenaan secara tersendiri, termasuk yang berkait dengan prosedur hudud seperti yang dilakukan ini.

Sesuai dengan kedudukannya sebagai jenayah berat, Syariat Islam menentukan prosedur yang lebih ketat dalam kes-kes jenayah hudud. Ini untuk mengelakkan dari berlakunya hukuman ke atas orang yang tidak benar-benar salah

## **Hak Allah dan Hak Manusia**

Para fuqahā' telah membahagikan semua perbuatan mukallaf yang membangkitkan implikasi hukum kepada dua kategori. Pertamanya, perbuatan yang menyangkuti hak Allah, dan keduanya perbuatan yang menyangkuti hak hamba. Dalam istilah lain, hak Allah biasa disebut sebagai hak masyarakat, sementara hak hamba pula biasa disebut sebagai hak individu.

Sejauh mengenai hukum jenayah, pembahagian ini mempunyai implikasi tertentu sama ada dari aspek substantif, iaitu isi atau maksud hukum itu sendiri atau juga dari aspek prosedur, iaitu cara yang digunakan bagi mensabitkan perbuatan jenayah berkenaan. Walau bagaimana pun dalam tulisan ini hanya implikasi dari segi prosedur sahaja yang akan dihuraikan.

Para fuqahā' sependapat mengatakan, jenayah atas diri, seperti membunuh dan mencederakan, iaitu yang diistilahkan dalam Syariat Islam sebagai jenayah qisas dan diyat, adalah merupakan jenayah yang menyangkuti hak individu. Jenayah ta'zir ada yang menyangkuti hak individu dan ada yang menyangkuti hak awam (masyarakat). Sementara jenayah hudud pula menyangkuti hak awam (masyarakat).<sup>1</sup>

Antara implikasi yang menyentuh aspek prosedur dari kedudukan jenayah hudud ini sebagai jenayah yang menyentuh hak awam iaitu pendakwaannya perlu dilakukan oleh pihak kerajaan sendiri, iaitu yang dikenali sekarang sebagai "pendakwa raya". Tidak seperti dalam kes-kes yang menyangkuti hak individu, mangsa dalam kesalahan seperti ini tidak boleh campurtangan dalam urusan pendakwaan berkenaan. Kecualilah kalau terdapat apa-apa hak sivil seperti gantirugi dan sebagainya barulah mangsa berkenaan boleh membuat pendakwaan sejauh mengenai hak itu dengan syarat tidak melibatkan pendakwaan jenayah itu sendiri.

Ini berbeza sekali dengan kes-kes jenayah yang melibatkan hak individu, seperti jenayah membunuh dan mencederakan, begitu juga jenayah ta'zir yang menyentuh hak individu. Dalam kes-kes seperti ini pendakwaan perlu dilakukan oleh pihak mangsa sendiri dan pihak kerajaan atau pendakwa raya tidak mempunyai kuasa

---

<sup>1</sup> Bagaimanapun ada perbezaan pandangan di antara para fuqaha sejauh mengenai jenayah "*Qadzaf*". Sila rujuk kitab-kitab fiqh.

untuk melakukannya kecuali selepas dimula oleh pihak mangsa berkenaan.<sup>2</sup>

Satu implikasi lain yang menyentuh soal prosedur ialah dalam kes-kes jenayah yang menyentuh hak awam, seperti hudud ini, hak pendakwaan tidak sekali-kali akan diwarisi oleh para waris kalau sekiranya mangsa berkenaan meninggal dunia. Ini kerana hak seperti itu berada di tangan kerajaan, iaitu di tangan pendakwa raya. Maka kalau sekiranya pendakwa raya yang membawa kes di mahkamah meninggal dunia, kuasa pendakwaan itu tetap akan berada di tangan pemerintah juga dan tidak akan diwarisi oleh keluarga mangsa jenayah berkenaan.<sup>3</sup>

## **Prinsip Keraguan (Syubhah)**

Sebelum huraian lanjut tentang masalah acara atas prosedur ini, termasuk hal-hal yang berkaitan dengan “keterangan” (البيانات) elok sekali dihuraikan dengan secara ringkas tentang prinsip asas yang sentiasa mempengaruhi keputusan mahkamah dalam menentukan hukuman dalam kes-kes hudud ini. Prinsip asas ini biasa dikenali sebagai “menolak hudud kerana ada keraguan” (درء الحدود بالشبهات).

Prinsip ini berasaskan kepada kaedah fiqh (قاعدة فقهية) yang bermaksud apabila hakim mendapati ada keraguan (شبهة) dalam proses pensabitan kes jenayah hudud dia wajib tidak menghukum tertuduh dengan hukuman hudud. Bagaimanapun ia tidak menghalang hakim dalam keadaan-keadaan tertentu, daripada mengenakan hukuman lain di bawah kesalahan ta’zir.

Ini bererti, sepertimana “keraguan” boleh melepaskan tertuduh dari disabitkan kesalahan ke atasnya, ia juga boleh mengubah tuduhan itu sendiri kepada suatu tuduhan lain di bawah jenayah bukan hudud.<sup>4</sup> Sebagai contoh, dalam kes mencuri misalnya, apabila syarat “disimpan di tempat biasa” (محفظ) atau syarat “nisab” tidak dapat dibuktikan oleh pihak pendakwa, hakim tidak boleh menghukum tertuduh dengan hukuman potong tangan, iaitu hukuman hudud bagi jenayah mencuri. Sebaliknya hakim perlu menukar hukuman berkenaan dengan hukuman ta’zir.

Kaedah yang mewajibkan penolakan hudud kerana ada keraguan ini berkait rapat dengan kaedah “menganggap tidak bersalah” yang ditentukan oleh Syariat Islam, begitu juga dengan kaedah “mentafsirkan keraguan bagi faedah pihak yang tertuduh” yang dikenali dalam sistem undang-undang jenayah moden sekarang ini.<sup>5</sup>

<sup>2</sup> Lihat: al-Ewa, Muhammad Salim (1978), *Fī Uṣūl al-Niẓām al-Jinā'i*, Kahirah: Dar al-Ma‘arif, h. 81.

<sup>3</sup> *Ibid*, h. 84.

<sup>4</sup> Lihat: al-Ewa, Muhammad Salim, *op.cit.*, h. 87.

<sup>5</sup> *Ibid*, h. 87.

Prinsip “menolak hudud kerana ada keraguan” ini pada asasnya berdasarkan kepada hadis-hadis Rasulullah s.a.w. Antara hadis-hadis tersebut ialah yang diriwayatkan oleh Aisyah r.a. bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda:

”عَنْ عَائِشَةَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : أَدْرُوا الْحَدُودَ عَنِ الْمُسْلِمِينَ مَا أَسْتَطَعْتُمْ ، فَإِنْ كَانَ لَهُ مُخْرَجٌ فَخُلِّقُوا سَبِيلَهُ فَإِنَّ الْأَمَامَ إِنْ يَخْطُئُ فِي الْعَفْوِ خَيْرٌ مِّنْ أَنْ يَخْطُئَ فِي الْعَقْوَةِ ” – رواه الترمذى

Yang bermaksud:

“*Tolaklah hudud daripada orang-orang Islam selagi boleh. Kalau masih ada jalan lepaskan mereka. Kerana kesilapan pemerintah dalam memberi kemaafan lebih baik daripada kesilapannya dalam mengenakan hukuman.*”

-Hadis riwayat al-Termizi<sup>6</sup>

Sebenarnya, prinsip ini boleh dilihat sebagai mengimbangi sikap keras Islam terhadap jenayah hudud. Kerana walaupun Islam menentukan hukuman yang begitu keras ke atas jenayah hudud ini, namun Islam juga mengadakan kawalan yang ketat agar tidak berlaku kesilapan dalam menjatuhkan hukuman berkenaan. Kawalan ketat ini dapat dilihat dengan jelas dalam hukum sunat merahsiakan kesalahan dan dosa sendiri atau orang lain dengan cara tidak mengemukakan kepada pengadilan atau mengaku melakukan. Begitu juga ia dapat dilihat pada ketentuan Islam mengenai kesaksian dalam kes-kes hudud seperti ini.

Mengenai hukum sunat merahsiakan perbuatan dosa dengan tidak menyampaikannya kepada pengetahuan pemerintah atau mengakuinya Rasulullah s.a.w. bersabda:

من ستر عورة أخيه المسلم ستر الله عورته يوم القيمة ” رواه ابن ماجة

Yang bermaksud:

“*Siapa sahaja yang merahsiakan keaiban saudaranya yang muslim Allah akan merahsiakan keaibannya di akhirat nanti*” – Hadis riwayat Ibn Majah<sup>7</sup>

<sup>6</sup> Lihat: al-Termidzi (1962 ), *al-Jāmi‘ al-Ṣaḥīḥ*, Beirut: Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabi, Jld. 4, h. 33.

<sup>7</sup> Ibn Mājah (t.t ), *Sunan*, Mekah: al-Maktabah al-Tijāriyyah, h.850

Dalam satu hadis lain Rasulullah s.a.w. bersabda:

" من أصاب من هذه الفتاوى فليس بستر الله فلانه من يدنا صفحته نقم عليه كتاب الله " - رواه

الإمام مالك

Yang bermaksud:

*"Sesiapa yang terkena kekotoran ini dia hendaklah berlindung dengan perlindungan Allah. Kerana siapa sahaja yang mendedahkan kepada kami tentang rahsia dirinya, kitab Allah akan mengambil tindakan ke atasnya."*

- Hadis riwayat al-Imam Malik<sup>8</sup>

Mengenai penentuan saksi secara ketat pula, ia dapat dilihat sebagai contoh dalam jenayah zina. Dalam jenayah-jenayah lain dua orang saksi sudah cukup untuk mensabitkannya di mahkamah. Tetapi dalam kes-kes perzinaan bilangan mesti empat, dan kesaksian yang diberikan perlu dalam sifat "melihat sendiri" (شهادة سمعانية) dan bukan "dengar cakap" (شهادة معاينة). Selain itu, keterangan yang diberikan dalam kesaksian itu mestilah jelas dan tegas. Saksi-saksi berkenaan pula perlu bersifat adil, telus dan konsisten. Semuanya ini tidak syak lagi boleh menyempitkan ruang pensabitan di dalam kes-kes berkenaan.

## Andaian Tidak Bersalah

Sepertimana yang disebut di atas, prinsip keraguan atau (syubhah) ini ada kaitan yang rapat dengan satu prinsip lain dalam Syariat Islam iaitu yang dinamakan sebagai prinsip "Tidak bersalah". Dalam kes-kes jenayah, prinsip ini dihuraikan sebagai "andaian tidak bersalah"<sup>9</sup> dan ia digunakan bukan sahaja dalam kes-kes hudud, tetapi juga dalam jenayah-jenayah lain, iaitu qisāṣ dan ta'zir.<sup>10</sup>

<sup>8</sup> Lihat: al-Suyūṭī, (1983) *Tanwīr al-Ḥawālik Syarḥ Muwaṭṭa'* al-Imam Mālik, Beirût: al-Maktabah al-Thaqafiyah, h.435

<sup>9</sup> Lihat: al-Suyūṭī (t.t), *al-Asybāh Wa al-Naẓā'ir*, Kaherah: al-Halabi, h. 59.

<sup>10</sup> 'Izzuddin Abd al-Salām (1968), *Qawā'id al-Aḥkām Fī Maṣāleḥ al-Anām*, Kaherah: Maktabah al-Qāhirah, Jld. 2, h. 32.

Antara prinsip lain yang juga ada kaitan dengan prinsip keraguan (al-Syubhah) ini ialah prinsip “Keyakinan tidak boleh digugat oleh keraguan” (الْبَقِينَ لَا يُرَدِّلُ بِالشَّكِّ). Kata al-Syeikh Muṣṭafa al-Zarqa’ mengenai kaerah ini “kaerah ini merupakan prinsip Syariat yang besar dan disokong oleh akal, al-Quran dan al-Sunnah.<sup>11</sup> Kata Imam al-Suyuti “kaerah ini merangkumi semua bab fiqh.... dalam masalah jenayah, apabila hakim merasa ragu sama ada untuk menjatuhkan hukuman sebat atau rejam, maka kedua-dua hukuman hudud itu tidak akan dikenakan dan sebaliknya akan digantikan dengan hukuman ta’zir.”<sup>12</sup>

Antara aplikasi kepada kaerah ini dalam kes-kes hudud ialah menggunakan tempoh maksimum dalam menentukan umur dewasa (سنّ التكليف).<sup>13</sup> Sebagaimana maklum, kanak-kanak di bawah umur tidak dibebankan dengan tanggungan jenayah apabila melakukan apa-apa perbuatan jenayah. Kerana ada keraguan sama ada mereka boleh dipertanggungjawab atas perbuatan mereka seperti itu atau sebaliknya. Oleh kerana itu, cukup umur dijadikan sebagai asas yang membolehkan pengenaan hukuman ke atas mereka kerana dalam keadaan seperti itu tiada lagi keraguan samada mereka boleh dipertanggungjawabkan atau sebaliknya.

## Taubat dan Pemberian Maaf

Sepertimana yang telah ditegaskan di atas, kesalahan jenayah termasuk jenayah hudud telah memberi hak kepada pemerintah untuk melaksanakan hukuman ke atas penjenayah berkenaan apabila ia benar-benar sabit. Bagaimanapun, hak berkenaan tidak semestinya boleh diambil sepenuh oleh pemerintah. Dengan kata lain, tidak semestinya hak untuk menghukum yang ada pada pemerintah itu dapat dilaksanakan sepenuhnya kerana ada kemungkinan terdapat halangan bagi pelaksanaan tersebut oleh sebab-sebab tertentu.

Dalam syariat Islam, antara halangan yang boleh mengganggu pelaksanaan hak tersebut ialah “taubat” oleh penjenayah itu sendiri dan “kemaafan” yang diberikan oleh pihak tertentu terhadap kesalahan berkenaan.

Taubat bererti menyesali apa yang telah berlaku dan bertekad untuk tidak mengulanginya lagi. Dari segi keagamaan ia boleh menghapuskan dosa dan membersihkan kesalahan. Dalam al-Quran Allah berfirman:

”فَمَن تَابَ مِنْ بَعْدِ ظَلَمَةٍ وَأَصْلَحَ فَإِنَّ اللَّهَ يَتُوبُ عَلَيْهِ إِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ“ - المائدة : 39

<sup>11</sup> Lihat : al-Zarqā, Muṣṭafā (1965), *al-Madkhāl al-Fiqhī al-Ām*, Kahirah : Dār al-Kitāb al-‘Arabi, Jld. 2, h. 951.

<sup>12</sup> Al-Suyūfi, *op.cit.*, h. 56.

<sup>13</sup> Al-Ṣā‘āni, Abd. Razzāq, (1972 ) *al-Muṣannif*, Bairut: Dār al-Fikr, Jld. 7, h. 337.

Yang bermaksud:

*"Maka barangsiapa bertaubat (diantara pencuri-pencuri itu sesudah melakukan kejahanan itu dan memperbaiki diri maka sesungguhnya Allah menerima taubatnya. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang."*

- al-Maidah (5): 39

Firman Allah lagi:

*"وَإِذَا جَاءَكُ الظَّالِمُونَ بِآيَاتِنَا فَقُلْ سَلَامٌ عَلَيْكُمْ كُتُبُ رَبِّكُمْ عَلَى نَفْسِهِ الرَّحْمَةُ أَئِهِ مِنْ عَمَلٍ مِنْكُمْ سُوَا بِجَهَالَةٍ ثُمَّ تَابَ مِنْ بَعْدِهِ وَأَصْلَحَ فَإِنَّهُ غَفُورٌ رَّحِيمٌ" - الأنعام: 54*

Yang bermaksud:

*"Apabila orang yang beriman kepada ayat-ayat kami itu datang kepadamu maka katakanlah: Salamun `Alaikum, Tuhanmu telah menetapkan atas diriNya kasih sayang (iaitu) bahawa barangsiapa yang berbuat kejahanan di antara kamu lantaran kejihilan, kemudian ia bertaubat setelah mengerjakannya dan memoperbaikki diri, maka sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang."*

- Al-An'am (6): 54

Malah terdapat ayat-ayat lain yang menunjukkan bahawa taubat bukan sahaja menghapuskan dosa dan membersihkan kesalahan. Ia juga boleh menghasilkan pahala. Firman Allah:

*"وَإِنْ اسْتَغْفِرُوا رَبَّكُمْ ثُمَّ تُوبُوا إِلَيْهِ يَمْتَعُوكُمْ مَتَاعًا حَسَنًا إِلَيْ أَجْلٍ مُّسَمٍّ وَيُؤْتَ كُلَّ ذِي فَضْلَهِ وَإِنْ تُولُوا فَإِنَّمَا أَخَافُ عَلَيْكُمْ عَذَابٌ يَوْمَ كَبِيرٍ" - هود: 3*

Yang bermaksud:

*“Dan hendaklah kamu meminta ampun kepada Tuhanmu dan bertaubat kepadaNya (jika kamu mengerjakan yang demikian) nescaya Dia akan memberi kenikmatan yang baik (terus menerus) kepada mu sampai kepada waktu yang telah ditentukan dan dia akan memberikan kepada tiap-tiap orang yang mempunyai keutamaan (balasan) keutamaanya. Jika kamu berpaling maka sesungguhnya aku takut kamu akan ditimpa siksa hari kiamat”*

– Hud (11) : 3

Firman Allah lagi, selepas menyebut berbagai-bagai dosa besar dan amaran terhadap para pelakunya:

الآن من تاب وآمن وعمل صالحاً فلولنّك بيد الله سيّاتهم حسّنات  
وكان الله غفوراً رحيمًا" – الفرقان: 70

Yang bermaksud:

*“Kecuali orang-orang yang bertaubat, beriman dan mengerjakan amal soleh, maka itu kejahatan mereka diganti Allah dengan kebajikan. Dan adalah Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang.”*

al-Furqan (25) : 70

Khusus mengenai jenayah hudud, masalah taubat ini disebut berkait dengan jenayah merompak (*al-Hirābah*). Firman Allah:

"أَنَّمَا جزَاءُ الَّذِينَ يَحْرَبُونَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ وَيُسَعِّونَ فِي الْأَرْضِ فَسَادُهُمْ أَنْ يَقْتُلُوا أَوْ يُصْلِبُوا أَوْ تُنْقَطِعَ أَيْدِيهِمْ وَارْجُلُهُمْ مِنْ خَلَافٍ أَوْ يُنْفَوْ مِنِ الْأَرْضِ ذَلِكَ لَهُمْ خَزِيٌّ فِي الدُّنْيَا وَلَهُمْ فِي الْآخِرَةِ عَذَابٌ عَظِيمٌ إِلَّا الَّذِينَ تَابُوا مِنْ قَبْلِ أَنْ تَقْدِرُوا عَلَيْهِمْ فَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ" –  
المائدة: 33-34

Yang bermaksud:

*“Sesungguhnya pembalasan terhadap orang-orang yang memerangi Allah dan RasulNya dan membuat kerusakan di muka bumi, hanyalah mereka dibunuh atau disalib atau dipotong tangan dan kaki mereka dengan bertimbali balik*

*atau dibuang dari negeri (tempat kediamannya). Yang demikian itu (sebagai) suatu penghinaan untuk mereka di dunia dan di akhirat mereka beroleh siksa yang besar. Kecuali mereka yang bertaubat sebelum kamu dapat menangkap mereka, maka ketahuilah bahwasanya Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang.”*

al-Maidah (5): 33-34

Berasaskan kepada ayat di atas, para fuqaha berpendapat bahawa “taubat” boleh menjadi sebab kepada pelepasan jenayah berkenaan daripada hukuman hudud. Syarat ini berlaku sebelum penjenayah itu ditangkap.<sup>14</sup>

Bagaimanapun, pelepasan ini tidak melibatkan hak yang berkait dengan individu, seperti ganti rugi atas mana-mana harta orang yang dirompak itu ataupun hak “qiṣāṣ” atau mana-mana perbuatan membunuh atau mencederakan. Hak-hak ini tidak akan gugur kerana taubat, tetapi akan gugur berasaskan kemaafan yang diberikan oleh pihak yang mempunyai hak berkenaan.<sup>15</sup>

Dalam kes-kes yang selain daripada jenayah merompak, para fuqaha berbeza pendapat. Golongan pertama berpendapat ia tidak boleh menjadi sebab kepada pelepasan hukuman. Alasan<sup>16</sup> mereka ialah kerana ayat berkenaan khusus mengenai jenayah merompak (*al-Hirābah*) sahaja dan tidak boleh digunakan dalam kes-kes yang lain. Bagi kes-kes yang lain, semuanya tertakluk kepada pengertian umum ayat-ayat al-Quran dan al-Sunnah yang menentukan wajib melaksanakan hukuman atas setiap penjenayah. Malah, dalam kes penzinaan secara khusus terdapat hadis di mana Rasulullah s.a.w. telah memerintahkan supaya Ma‘iz dan al-Ghamidiyah direjam walaupun mereka telah mengaku salah dan bertaubat.

Selain itu, golongan ini juga berpendapat, pelepasan hukuman kerana bertaubat akan menganggu fungsi hukuman itu sendiri sebagai cara untuk mencegah berlakunya jenayah. Kerana tentu sekali para penjenayah akan mengaku bertaubat kerana muhu melepaskan diri daripada hukuman. Pada pandangan mereka ini lagi, ada sifat-sifat khusus sebenarnya pada jenayah merompak yang boleh menjadikan taubat sebagai sebab pelepasan hukuman, iaitu tangkapan ke atas

<sup>14</sup> Lihat: Ibn Ḥazm (2001), *al-Muḥallā*, Bairut: Dār Iḥyā‘ al-Turāth al-‘Arabi, Jld. 11, h. 123.

<sup>15</sup> Lihat: Ibn Qudāmah, (1986) *al-Mughnī*, Riyādh: Dār ‘Alam al-Kutub, Jld. 4, h. 314.

<sup>16</sup> Lihat: Ibn Qudāmah, *op.cit.*, Jld. 10, h. 316; Ibn Hazm, *op.cit.*, Jld. 11, h. 126; al-Kāṣānī, (2000), *Badā ‘i al-Ṣanā’i*, Bairut: Dār Iḥyā al-Turāth al-‘Arabi, Jld. 7, h. 69; al-Zarqānī (1972), *Syarḥ ‘Alā Mukhtaṣar Khalīl*, Kahirah: al-Ḥalabī, Jld. 8, h. 138.

pelaku jenayah berkenaan biasanya lebih sukar untuk dilakukan. Jadi pengampunan daripada hukuman jenayah ke atas mereka boleh menggalakkan mereka berkerjasama dengan pemerintah agar aktiviti seperti itu tidak terus dilakukan. Sifat seperti ini tidak ada dalam jenayah-jenayah lain.

Golongan kedua pula berpendapat taubat bukan sahaja diterima sebagai sebab kepada pelepasan hukuman dalam kes-kes rompakan (*al-Hirābah*), tetapi dalam kes-kes hudud yang lain juga. Alasan<sup>17</sup> mereka ialah ayat yang menyebut tentang pelepasan itu dalam kes rompakan (*al-Hirābah*) perlu ditafsirkan secara meluas sampai merangkumi jenayah-jenayah hudud yang lain juga. Kerana jenayah merompak boleh dianggap sebagai jenayah yang lebih berat. Maka kalau dalam kes seperti itu taubat boleh menjadi sebab kepada kemaafan daripada hukuman maka apatah lagi jenayah-jenayah hudud yang selain daripadanya yang tentunya lebih ringan sifatnya. Malah, tambah mereka, ayat-ayat al-Quran menyebut juga tentang kemaafan ini dalam kes-kes zina dan mencuri.

Dalam kes zina Allah berfirman:

"وَاللَّذَانِ يَتَيَّبَنُهَا مِنْكُمْ فَأَذْوَاهُمَا فَإِنْ تَابَا وَأَصْلَحَا فَاعْرُضُوهُمَا عَنْهُمَا أَنَّ اللَّهَ كَانَ تَوَّاباً رَحِيمًا" - النساء : 16

Yang bermaksud:

*"Dan terhadap dua orang yang melakukan perbuatan keji di antara kamu maka berilah hukuman kepada keduanya kemudian jika keduanya bertaubat dan memperbaiki diri, maka biarkanlah mereka. Sesungguhnya Allah Maha Penerima taubat lagi Maha Penyayang.."*

- al-Nisa' (4): 16

Sementara dalam kes mencuri pula Allah berfirman:

"فَمَنْ تَابَ مِنْ بَعْدِ ظُلْمِهِ وَأَصْلَحَ فَإِنَّ اللَّهَ يَتُوبُ عَلَيْهِ أَنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ" - المائدة : 39

Yang bermaksud:

*"Maka barangsiapa bertaubat (diantara pencuri-pencuri itu) sesudah melakukan kejahanan itu dan memperbaiki*

<sup>17</sup> Lihat: al-Syāfi‘ī (1972), *al-Umm*, Kaherah: Dār al-Sya'b, Jld. 7, h. 15.

*diri, maka sesungguhnya Allah menerima taubatnya. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang.”*

- al-Maidah (5): 39

Pada pandangan Ibn al-Qayyim<sup>18</sup> perbezaan antara kes merompak dan kes-kes hudud yang lain, dalam konteks ini tidak mempunyai asas yang kukuh. Tanya beliau, di manakah nas syarak yang boleh menjadi asas kepada perbezaan ini? Malah, kata beliau menegaskan penerimaan taubat sebagai asas pelepasan hukuman hudud dalam kes merompak ini boleh memberi faham bahawa dalam kes-kes hudud yang lain lebih-lebih lagi diterima.

Mengikut Ibn al-Qayyim lagi, terdapat hadis yang memberi erti bahawa pelepasan daripada hukuman hudud berasaskan taubat itu berlaku dalam jenayah-jenayah hudud yang lain juga. Hadis tersebut ialah yang diriwayatkan oleh Anas Ibn Malik yang berbunyi:

كنت مع النبي صلى الله عليه وسلم ، فجاء رجل فقال يا رسول الله أئتي أصبت حدا فاقمه عليّ. قال، ولم يسأل عنه ، فحضرت الصلاة فصلّي مع النبي صلى الله عليه وسلم . فلما قضي النبي الصلاة قام اليه الرجل فأعاد قوله. قال: أليس قد صليت معنا؟

Yang bermaksud:

*“Saya ada bersama Nabi ketika seorang lelaki datang dan berkata: Wahai Rasulullah s.a.w., saya terkena hukuman hudud. Laksanakanlah ke atas saya. Kata Anas, Rasulullah s.a.w. tidak bertanya tentang pengakuan itu. Apabila masuk waktu sembahyang lelaki itu bersembahyang bersama Nabi s.a.w. Apabila Nabi s.a.w. selesai sembahyang lelaki itu datang lagi kepada baginda dan mengulangi kata-katanya itu. Lalu Nabi s.a.w. bersabda: Tidakkah kamu telah bersambahyang dengan kami? Jawab orang itu, ya. Sabda Nabi s.a.w. Allah Azza Wajalla telah mengampunkan kamu daripada dosa kamu.”<sup>19</sup>*

<sup>18</sup> Lihat: Ibn Qayyim al-Jauziyyah (1970), *I'lām al-Muwaqqi'iñ*, Kahirah: al-Nahdhah al-Jadidah , Jld. 2, h. 97.

Mengulas pandangan-pandangan mazhab ini Muhammad Salim al-Ewa<sup>20</sup> menyebut bahawa alasan golongan yang mengatakan taubat boleh diterima sebagai asas kepada kemaafan dalam semua kes hudud, tidak hanya jenayah merompak sahaja adalah lebih kukuh. Kata beliau, banyak terdapat dalam al-Quran ayat-ayat yang menyebut tentang penghapusan dosa kerana taubat. Bilangannya lebih daripada seratus ayat. Dalam ayat-ayat tersebut apabila sahaja “dosa” disebut ia akan diiringi oleh “taubat” dan gesaan supaya ia dilakukan. Semuanya ini memberi isyarat bahawa taubat mempunyai kesan terhadap penghapusan dosa baik di dunia maupun di akhirat. Kesan daripada itu, di akhirat orang berkenaan tidak akan diazabkan, sementara di dunia pula dia tidak akan dihukum dengan hukuman kesiksaan.

Mengikut al-Ewa lagi, penghapusan hukuman hudud kerana taubat ini tidak boleh disifatkan sebagai membuka ruang kepada tidak melaksanakan langsung hukuman hudud itu memandangkan para penjenayah mungkin akan mendakwa telah bertaubat bagi melepaskan dirinya daripada hukuman. Kerana hakim masih boleh mengenakan hukuman berkenaan atas mana-mana penjenayah berdasarkan kepada *eviden* yang ada.

Malah, kata beliau lagi para hakim juga tidak diberi kebebasan penuh dalam membuat keputusan berkenaan berdasarkan budi bicaranya. Ini kerana mengikut mazhab Maliki dan Hanbali misalnya hakim tidak sekali-kali boleh menerima taubat orang *zindiq*, iaitu orang yang berpura-pura mengaku Islam.<sup>21</sup>

## KESIMPULAN

Apa yang jelas daripada huraihan di atas, meskipun hudud merupakan kaedah hukuman atau kesiksaan yang berat namun ia dikawal dengan begitu ketat sekali. Bagi tujuan tersebut berbagai prosedur telah diadakan. Tujuannya ialah untuk menjamin bahawa pelaksanaannya terkawal dari sebarang penyelewengan atau sikap ambil mudah. Ini kerana objektif daripada pelaksanaan hukuman seperti ini bukan untuk membala dendam atau untuk menyiksa semata-mata tetapi sebaliknya untuk mencapai tahap keadilan yang maksimum.

<sup>19</sup> Hadis riwayat Muslim, Abu Daud dan al-Tirmidzi. Lihat: Muslim (2000), *Ṣaḥīḥ Muslim*, Beirut: Dār Iḥyā‘ al-Turāth al-‘Arabi, h.1164.

<sup>20</sup> Al-Ewa, Muhammad Salim, *op.cit.*, hh. 108-109.

<sup>21</sup> Lihat: Mālik (tt), *al-Muwattā'*, Kahirah: al-Halabi , h. 458; Ibn Qudāmah, *op.cit.*, Jld. 10, h. 78.

Antara prosedur berkenaan ialah pendakwaan dalam kes seperti itu tidak boleh dilakukan kecuali oleh pihak Pendakwa Raya sahaja. Sebagai ejen pengadilan yang mewakili kepentingan awam, iaitu mayarakat seluruhnya, Pendakwa Raya biasanya kurang dipengaruhi oleh emosi, tetapi sebaliknya sentiasa menggunakan pertimbangan kepentingan masyarakat seluruhnya dalam melakukan apa-apa tindakan. Dari sinilah keadilan lebih terjamin berbanding kalau pendakwaan seperti itu boleh dibuat secara individu seperti dalam kes Muamat.

Satu prosedur lain yang mendokong fungsi yang sama ialah prinsip *Syubhah*. Dalam istilah sekarang ia biasa disebut sebagai keraguan. Konsepnya ialah bila sahaja ada keraguan kes dikira gagal ditegakkan dan pihak terdakwa akan dilepaskan. Prosedur ini boleh menghalang berlakunya penghukuman yang salah ke atas tertuduh. Prinsipnya, melepaskan orang bersalah daripada hukuman lebih baik daripada menghukum orang tidak bersalah.

Prinsip andaian tidak bersalah juga memberi impak yang besar terhadap jaminan keadilan. Ia bermaksud, pihak tertuduh tidak akan diminta membuktikan tidak bersalah. Sebaliknya pihak pendakwa akan diminta membuktikan kesalahan berkenaan. Kalau dia gagal membuktikan kesalahan berkenaan tanpa apa-apa keraguan yang menasabah tertuduh akan dilepaskan daripada apa-apa hukuman. Malah taubat juga diambil kira dalam soal sama ada pendakwaan akan diteruskan atau sebaliknya. Begitulah juga bila ada kemaafan yang diberikan oleh pihak yang berkepentingan dalam kes berkenaan. Semuanya ini prosedur yang sangat menyebelahi tertuduh.

Oleh yang demikian tidak timbul persoalan bahawa “Hudud” merupakan kaedah hukuman yang keras. Kerana kekerasan itu bukan sahaja boleh dilihat berasaskan jenis hukuman itu sendiri, tetapi juga berasaskan bagaimana ia diputus dan dilaksanakan.

## RUJUKAN

- ‘Izzuddin Abd al-Salām (1968), *Qawā`id al-Aḥkām Fi Maṣāliḥ al-Anām*, Jld. 2, Kaherah: Maktabah al-Qāhirah.
- al-Ewa, Muhammad Salim (1978), *Fī Uṣūl al-Niẓām al-Jina’ī*, Kahirah: Dar al-Ma‘arif.
- al-Kāsānī (2000), *Badā ‘i al-Ṣanā’i*, Jld. 7, Bairut: Dār Ihya‘ al-Turāth al-‘Arabi. Al-Ša‘ānī, Abd. Razzāq (1972 ), *al-Muṣannif*, Jld. 7, Bairut: Dar al-Fikr.
- al-Suyūṭī (t.t), *al-Asybāh Wa al-Naẓā’ir*, Kahirah: al-Halabi.
- al-Suyūṭī (1983), *Tanwīr al-Hawālik Syarḥ Muwatta’ al-Imam Mālik*, Beirūt: al-Maktabah al-Thaqafiyah.
- al-Syāfi‘ī (1972), *al-Umm*, Jld. 7, Kahirah: Dar al-Sya’b.

- al-Termidzī (1962 ), *al-Jāmi‘ al-Ṣaḥīḥ*, Jld. 4, Beirut: Dār Ihyā’ al-Turāth al-‘Arabi.
- al-Zarqā, Muṣṭafa (1965), *al-Madkhal al-Fiqhi al-‘Ām*, Jld. 2, Kahirah : Dar al-Kitāb al-‘Arabi.
- al-Zarqānī (1972), *Syarḥ ‘Ala Mukhtaṣar Khalīl*, Jld. 8, Kahirah: al-Ḥalabī.
- Ibn Ḥazm (2001), *al-Muḥalla*, Jld. 11Bairut:Dār Ihya‘ al-Turāth al-‘Arabi.
- Ibn Mājah (t.t ), *Sunan*, Mekah: al-Maktabah al-Tijāriyyah.
- Ibn Qayyim al-Jauziyyah (1970), *I'lām al-Muwaqqi'iñ*, Jld. 2, Kahirah : al-Nahdah al-Jadidah.
- Ibn Qudāmah, (1986) *al-Mughnī*, Jld. 4, Riyādh: Dār ‘Alam al-Kutub.
- Mālik (tt), *āl-Muwaṭṭā'*, Kahirah: al-Halabi .
- Muslim (2000), *Ṣaḥīḥ Muslim*, Bairut: Dār Ihyā’ al-Turāth al-‘Arabi.